

PARLIMEN - SARAWAK

1981

KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA) — KERAJAAN TIDAK ADA RANCANGAN BENDAK MENAMBAH PERATUS HASIL PENDAPATAN DARIPADA PENGELUARAN MINYAK KEPADA KERAJAAN SARAWAK, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

KERAJAAN SARAWAK KETIKA INI MENERIMA ROYALTI SECARA BAYARAN TUNAI 5 PERATUS DARIPADA PENGELUARAN MINYAK MENTAH DAN PENJUALAN GAS, KATANYA.

MENJAWAB SOALAN ENCIK THOMAS SALANG SIDEN (BN-JULAU), PERDANA MENTERI BERKATA TAHUN LALU KERAJAAN SARAWAK MENERIMA \$116 JUTA DARI SUMBER PENDAPATAN ITU.

INI MERUPAKAN 35 PERATUS DARI JUMLAH PENDAPATAN NEGERI ITU DAN SATU PERTAMBAHAN BESAR DARIPADA \$30 JUTA YANG DITERIMA OLEH KERAJAAN SARAWAK DARI SUMBER YANG SAMA DALAM TAHUN 1975.

PERDANA MENTERI MEMBAYANGKAN PENDAPATAN SARAWAK DIJANGKAKAN BERTAMBAH LAGI APABILA GAS ASLI MULA DIEKSPORT DALAM TAHUN 1983. — BERNAMA 1824/AH